



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENILAIAN GURU PENDIDIKAN SENI
TERHADAP KREATIVITI CATAN PELAJAR**

CHUA YAN PIAW

FPP 1998 66

**PENILAIAN GURU PENDIDIKAN SENI
TERHADAP
KREATIVITI CATAN PELAJAR**

CHUA YAN PIAW

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

1998



**PENILAIAN GURU PENDIDIKAN SENI
TERHADAP
KREATIVITI CATAN PELAJAR**

Oleh

CHUA YAN PIAW

**Tesis dikemukakan untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat untuk memperolehi Ijazah
Master Sains (Pedagogi) di
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia**

Februari 1998



PENGHARGAAN

Sebagai penghargaan, diucapkan jutaan terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan saya, Profesor Madya Datin Dr. Hjh. Sharifah Md. Nor dan ahli-ahli jawatankuasanya Dr. Wan Zah Wan Ali dan Profesor Madya Dr. Hj. Naim Hj. Ahmad. Tanpa bimbingan, galakan, sokongan, dan kesabaran mereka, tesis ini tidak mungkin dapat disiapkan. Segala usaha mereka itu akan tetap abadi dalam ingatan saya dan akan tetap berguna kepada saya buat selama-lamanya..

Ucapan terima kasih juga ingin saya hulurkan kepada Prof. Madya Dr. Kamariah bt Hj. Abu Bakar yang memberi bimbingan dan nasihat yang bermas kepada saya semasa menjadi penasihat saya. Penghargaan ini tidak lupa juga saya tujukan kepada En. Hassan Che Ling, pegawai pendidikan Bahagian Teknologi, Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat dan En. Abu Bakar Sidek, pegawai data Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat, yang sudi membantu saya untuk memperolehi maklumat penting yang diperlukan oleh kajian ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah memberi bantuan kepada saya iaitu En. Osman dan Pn. Ani dari Fakulti Pengajian Pendidikan serta En. Supramaniam dan En. Mat Ali

dari Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Serdang. Selain daripada itu, kepada guru-guru Pendidikan Seni sekolah menengah Daerah Hulu Langat yang sudi menjadi responden kajian ini, serta guru-guru Pendidikan Seni Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Serdang yang sudi menjalankan ujian rintis kajian ini, saya mengucapkan jutaan terima kasih.

Akhir sekali, ingin juga saya menyampaikan terima kasih kepada isteri tersayang Bok Kai Wa yang sentiasa memberi sokongan, galakan dan nasihat yang menjadi sumber tenaga kepada saya untuk mengejar cita-cita murni ini. Tidak lupa juga kepada anak-anak saya Yee Pei dan Wan Xin kerana sokongan dan kefahaman mereka.

Semoga Tuhan membala jasa kalian.

DAFTAR KANDUNGAN

		Halaman
PENGHARGAAN.....		ii
SENARAI JADUAL.....		ix
SENARAI RAJAH.....		xii
SENARAI PLAT.....		xiii
SENARAI SINGKATAN.....		xiv
ABSTRAK.....		xv
ABSTRACT.....		xviii
 BAB		
I PENGENALAN.....	1	
Latar Belakang	1	
Pernyataan Masalah	4	
Soalan Kajian.....	6	
Kepentingan Kajian.....	7	
Skop Kajian.....	8	
Definisi Operasional	8	
Penilaian.....	9	
Guru Pendidikan Seni Terlatih.....	9	
Guru Pendidikan Seni Tidak Terlatih.....	9	
Kreativiti.....	9	
Catan.....	11	
Rumusan.....	12	
 II TINJAUAN LITERATUR	13	
Pengenalan.....	13	
Kreativiti dan Pendidikan Seni	15	
Latihan Pendidikan Seni dan Kreativiti	23	
Penilaian Hasil Seni	30	
Halangan Kepada Kreativiti.....	38	
Ransangan Kepada Kreativiti.....	46	
Penggunaan Catan dalam		
Penilaian Kreativiti	51	
Rumusan.....	52	
 III METODOLOGI KAJIAN.....	54	
Pengenalan.....	54	
Reka Bentuk Kajian.....	54	
Alat Kajian.....	55	
Ujian Pemikiran Kreatif Torrance.....	55	

	Aktiviti-Aktiviti TTCT	56
	Adaptasi dan Ujian Rintis TTCT	
	Versi Bahasa Malaysia	59
	Kesahan dan Kebolehpercayaan	
	Ujian Kreatif Figural Torrance	60
	Alat Penilaian Catan.....	63
	Kesahan dan kebolehpercayaan	
	Alat Penilaian Catan.....	65
	Responden.....	67
	Prosedur.....	67
	Merekod Maklumat.....	70
	Menganalisa Data.....	70
	Rumusan.....	72
IV	DAPATAN KAJIAN.....	73
	Pengenalan.....	73
	Soalan 1.....	73
	Perbandingan Min Markah	
	Catan A dan Catan B	73
	Analisa Ujian t ke Atas Perbezaan Min	
	Markah Catan A dan Catan B	74
	Ujian t ke Atas Perbezaan Min	
	Markah Catan.....	76
	Markah Tertinggi dan	
	Markah Terendah Catan	78
	Perbezaan Taburan Markah	
	Catan A dan Catan B	81
	Rumusan Kecil.....	84
	Soalan 2.....	84
	Kriteria Penilaian Catan	84
	Perbandingan Kepentingan	
	Kriteria-Kriteria Penilaian Catan	
	oleh Guru-Guru Pendidikan Seni	89
	Dapatan Temu Bual dengan Guru	
	Pendidikan Seni Terlatih	90
	Kemahiran Melukis	90
	Kekemasan	92
	Kreativiti	93
	Tajuk	94
	Logik	95
	Dapatan Temu Bual dengan Guru	
	Pendidikan Seni Tidak Terlatih	96
	Kemahiran Melukis	97
	Kekemasan	98

Kecantikan	98
Logik	99
Tajuk.....	100
Kreativiti.....	100
Rumusan Kecil.....	101
 Soalan 3.....	102
Perbandingan Kreativiti Guru Pendidikan Seni Terlatih dan Guru Pendidikan	
Seni Tidak Terlatih	102
Analisis Ujian t Membandingkan Indeks Kreativiti Guru Pendidikan Seni Terlatih dan Guru Pendidikan	
Seni Tidak Terlatih	103
Analisis Ujian t bagi Membandingkan Komponen-Komponen Kreativiti Kedua-Dua Kumpulan Guru	
Pendidikan Seni	105
Rumusan Kecil.....	108
 Soalan 4.....	109
Perkaitan Antara Kreativiti Guru Pendidikan Seni dan Kriteria	
Penilaian Catan	110
Statistik Kolerasi Pearson Perhubungan di Antara Kreativiti Guru Pendidikan	
Seni dan Markah Catan yang Kreatif.....	111
Rumusan Kecil.....	113
 Soalan 5.....	113
Peratusan Guru Pendidikan Seni yang Pernah Menghadiri Kursus Kreativiti	113
Perbandingan Peratusan Guru Pendidikan Seni Terlatih dan	
Guru Pendidikan Seni Tidak Terlatih yang Pernah Menghadiri Kursus Kreativiti.....	116
Rumusan Kecil.....	117
Konsep Kreativiti Guru-Guru Pendidikan Seni	117
Konsep Kreativiti Guru-Guru Pendidikan Seni.....	119
Perbandingan Konsep Kreativiti Guru Pendidikan Seni Terlatih dan Guru	
Pendidikan Seni Tidak Terlatih	124
Potensi	125
Idea atau Hasil Akhir	126
Proses	127

	Ciri-Ciri Individu	127
	Rumusan Kecil.....	127
	Rumusan...	129
V	PERBINCANGAN	131
	Pengenalan	131
	Latar Belakang Kajian.dan Pemnyataan Masalah	131
	Persoalan Kajian	133
	Kaedah Kajian	133
	Perbincangan	134
	Dapatkan Kajian tentang Pengaruh Latihan Pendidikan Seni Terhadap Penilaian Guru Pendidikan Seni ke Atas Kreativiti Catan.....	134
	Dapatkan Kajian tentang Kriteria Penilaian Catan yang Digunakan oleh Guru-Guru Pendidikan Seni Untuk Menilaian Catan Pelajar	136
	Dapatkan Kajian tentang Kreativiti Guru Pendidikan Seni	140
	Dapatkan Kajian tentang Kreativiti Guru Pendidikan Seni dan Penilaian Kreativiti Catan Pelajar	144
	Dapatkan Kajian tentang Konsep kreativiti Guru-Guru Pendidikan Seni	145
	Implikasi Kajian	149
	Implikasi Teoritikal	150
	Implikasi Pratikal	152
	Cadangan	154
	Kesimpulan	157
	Penutup	162
	BIBLIOGRAFI	163
	LAMPIRAN	172
A	Borang Catatan Temu Bual	173
B1	Jadual Permarkahan Guru-Guru Pendidikan Seni Terlatih	174
B2	Jadual Permarkahan Guru-Guru Pendidikan Seni Tidak Terlatih	176
B3	Jadual Kriteria Penilaian Catan Guru-Guru Pendidikan Seni Terlatih	178
B4	Jadual Kriteria Penilaian Catan Guru-Guru Pendidikan	

	Seni Tidak Terlatih	180
C1	Borang Skor Ujian Kreatif Figural Torrance	182
C2	Borang Skor Piawai Ujian Kreatif Figural Torrance	184
D1	Jadual Indeks Kreativiti Guru-Guru Pendidikan Seni Terlatih	184
D2	Jadual Indeks Kreativiti Guru-Guru Pendidikan Seni Tidak Terlatih	185
D3	Jadual Indeks Kreativiti Guru Pendidikan Seni yang Tinggi Kreativiti dan Guru Pendidikan Seni yang Rendah Kreativiti	187
E	Jadual Permarkahan Sekolah Menengah	189
F1	Senarai Nama Guru-Guru Pendidikan Seni yang menjalani Ujian Rintis Alat Penilaian Catan	190
F2	Senarai Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Hulu Langat, Selangor	191
G1	Ujian Kreatif Figural Torrance	192
G2	Alat Penilaian Catan	200
G3	Karya Catan Pelukis Jepun Masamune Shirow	202
H	Pengaruh Buku Mewarna ke Atas Perkembangan Kreativiti Pelajar (Hasil kajian Russell dan Waugaman)	203
J	Contoh-Contoh Jawapan Ujian Kreatif Figural Torrance	204
K	Borang Kebenaran Menjalankan Penyelidikan.....	218
L	Biodata Penulis.....	220

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Ujian t ke Atas Perbezaan Min Markah Catan A dan Catan B	74
2	Ujian t ke Atas Perbezaan Min Markah yang Diberikan oleh Guru Pendidikan Seni ke Atas Catan A dan Catan B	76
3	Markah Tertinggi dan Markah Terendah Catan A dan Catan.....	79
4	Min, Sisihan Piawai dan Varians Bagi Markah Catan A dan Catan	82
5	Kekerapan Guru-Guru Pendidikan Seni Menilai Menggunakan Kriteria-Kriteria Penilaian Catan	85
6	Kepentingan Kriteria-Kriteria Penilaian Catan Mengikut Peratus Guru Pendidikan Seni yang Menilai	89
7	Ujian t Membandingkan Indeks Kreativiti di Antara Kedua-Dua Kumpulan Guru Pendidikan Seni	104
8	Ujian t Komponen-Komponen Kreativiti antara Guru Pendidikan Seni Terlatih dan Guru Pendidikan Seni Tidak Terlatih	106
9	Perbandingan Peratusan Guru Pendidikan Seni yang Tinggi Kreativiti dan Guru Pendidikan Seni yang Rendah Kreativiti yang Menggunakan Kreativiti Sebagai Kriteria Penilaian Catan Pelajar	110

10	Statistik Kolerasi Pearson Untuk Melihat Perhubungan di Antara Kreativiti Guru Pendidikan Seni dan Markah Catan yang Kreatif (Catan B)	111
11	Perbandingan Peratusan Puru Pendidikan Seni Terlatih dan Guru Pendidikan Seni Tidak Terlatih yang Pernah Menghadiri Kursus Kreativiti	114
12	Konsep kreativiti yang diklasifikasi oleh Gilchrist.....	118
13	Konsep Kreativiti Guru-Guru Pendidikan Seni.....	121
14	Pernyataan-pernyataan Konsep Kreativiti Guru Pendidikan Seni.....	122
15	Peratusan Guru Pendidikan Seni Mengikut Aspek Konsep Kreativiti (Berdasarkan Bilangan Guru Yang Menilai.....	124
16	Perbandingan Konsep Kreativiti Guru-GuruPendidikan Seni Dan Pakar Kreativiti.....	146
17	Jadual Permarkahan Guru-Guru Pendidikan Seni Terlatih	174
18	Jadual Permarkahan Guru-Guru Pendidikan Seni Tidak Terlatih	176
19	Kriteria Penilaian Catan Guru-Guru Pendidikan Seni Terlatih	178
20	Kriteria Guru-Guru Pendidikan Seni Tidak Terlatih	180
21	Indeks Kreativiti Guru-Guru Pendidikan Seni Terlatih	184

22	Indeks Kreativiti Guru-Guru Pendidikan Seni Tidak Terlatih	185
23	Indeks Kreativiti Guru Pendidikan Seni yang Tinggi Kreativiti dan Guru Pendidikan Seni yang Rendah Kreativiti.....	187
24	Jadual Permarkahan Sekolah Menengah.....	189

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
1 Tangga Kriteria Penilaian Catan Guru Pendidikan Seni Terlatih.....	137
2 Tangga Kriteria Penilaian Catan Guru Pendidikan Seni Tidak Terlatih.....	137
3 Tangga Kriteria Penilaian Catan Guru Pendidikan Seni.....	137
4 Pengaruh Buku Mewarna Ke Atas Perkembangan Kreativiti Pelajar (Hasil Kajian Russell dan Waugaman).....	203

SENARAI PLAT

Plat		Halaman
1	Alat Penilaian Catan: Gambar catan A	200
2	Alat Penilaian Catan: Gambar catan B	201
3	Karya Catan Pelukis Jepun Masamune Shirow	202

SENARAI SINGKATAN

TTCT	=	Ujuan Kreatif Figural Torrance
TTCT[BM]	=	Ujian Kreatif Figural Torrance Versi Bahasa Malaysia
PS	=	Pendidikan Seni
KBSM	=	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
3M	=	Menulis, Membaca dan Mengira

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan untuk ijazah Master Sains.

**PENILAIAN GURU PENDIDIKAN SENI TERHADAP
KEATIVITI CATAN PELAJAR**

Oleh

CHUA YAN PIAW

NOVEMBER 1997

Pengerusi : Prof. Madya Datin Dr. Hjh. Sharifah Md. Nor

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Matlamat utama kajian ialah untuk melihat penilaian guru Pendidikan Seni terhadap kreativiti catan pelajar. Ianya juga bertujuan untuk mengenalpasti kriteria penilaian catan guru Pendidikan Seni serta melihat perhubungan latihan Pendidikan Seni dan kreativiti guru Pendidikan Seni.

Kajian ini merupakan kajian deskriptif menggunakan alat Ujian Kreatif Figural Torrance dan Alat Penilaian Catan. Alat Ujian Kreatif Figural Torrance digunakan untuk memperolehi indeks kreativiti guru manakala Alat Penilaian Catan digunakan untuk menggumpul maklumat tentang markah catan dan kriteria penilaian catan. Seramai 34 orang guru Pendidikan Seni terlatih dan 45 orang guru Pendidikan Seni tidak terlatih dari 22 buah sekolah menengah daerah Hulu Langat dipilih sebagai subjek kajian.

Enam kriteria penilaian catan guru Pendidikan Seni telah dikenalpasti melalui kajian ini, iaitu kemahiran melukis, kekemasan, kecantikan, kreativiti, logik dan tajuk. Kemahiran melukis dan kekemasan dianggap sebagai kriteria penilaian catan yang paling penting oleh guru-guru Pendidikan Seni. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru Pendidikan Seni terlatih lebih mementingkan kreativiti dalam catan pelajar daripada guru Pendidikan Seni tidak terlatih. Kreativiti dianggap sebagai kriteria penilaian yang ketiga penting oleh guru Pendidikan Seni terlatih manakala guru Pendidikan Seni tidak terlatih menganggap kreativiti sebagai kriteria penilaian catan yang kurang penting sekali di antara keenam-enam kriteria Penilaian catan tersebut.

Dapatan kajian juga menunjukkan secara signifikan bahawa guru Pendidikan Seni adalah lebih kreatif daripada guru Pendidikan Seni tidak terlatih dari segi kelancaran dan penghuraian. Ini bererti guru Pendidikan Seni terlatih lebih berupaya memahami dan menghuraikan idea-idea kreatif pelajar.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi, guru-guru Pendidikan Seni menghuraikan konsep kreativiti dari empat segi, iaitu potensi, proses, idea atau hasil akhir dan ciri-ciri individu. Guru Pendidikan Seni terlatih lebih suka memberi maksud

kreativiti dari segi potensi manakala guru Pendidikan Seni tidak terlatih lebih cenderung mengaitkan kreativiti dengan idea atau hasil akhir.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penilaian guru Pendidikan Seni ke atas catan pelajar tidak menggalakkan perkembangan kreativiti pelajar. Pengkaji mencadangkan agar penilaian dalam Pendidikan Seni pada masa depan lebih mengutamakan kreativiti pelajar.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia as partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science.

**EVALUATION OF ART EDUCATION TEACHER ON
CREATIVITY OF STUDENT'S PAINTING**

By

CHUA YAN PIAW

NOVEMBER 1997

Chairman : Assoc. Prof. Datin Dr. Hjh. Sharifah Md. Nor

Faculty : Educational Studies

The main purpose of this research is to investigate the evaluation of art education teachers on creativity of students' paintings. It also seeks to identify the evaluation criteria used by the art education teachers to evaluate students' paintings. The study endeavours to look into the relationship between art education training and the creativity of art education teacher.

This is a descriptive research which uses the Torrance Test of Creative Thinking and Painting Evaluation Instrument as its instruments. Torrance Test of Creative Thinking is used to measure the creativity index of art education teachers, whereas Painting Evaluation Instrument is used to collect the information of evaluation marks and evaluation criteria of art education teachers. Subjects of the study comprise 34 trained art education teachers

and 45 untrained art education teachers from 22 secondary schools located in the district of Hulu Langat, Selangor.

Six evaluation criteria used by art education teachers to evaluate students' paintings were identified through the study. It includes drawing skills, neatness, beauty, creativity, logic and title. The findings of the study shows that art education teachers consider drawing skills and neatness as the most important evaluation criteria. While trained art education teachers consider creativity as the third important of the six evaluation criteria, untrained art education teachers consider it as the least important.

The results of the study also indicate that trained art education teachers are significantly more creative than untrained art education teachers in aspects of fluency and elaboration. This suggests that trained art education teachers can understand creative ideas better and elaborate on them in more detail than untrained art education teachers.

Based on the evidence obtained in the study, art education teachers define the concept of creativity in four aspects, namely potential, process, idea or end product, and individual characteristic. Trained art education teachers are more inclined to relate the concept of creativity with the aspect of

potential, whereas untrained art education teachers define the concept of creativity from the aspect of idea or end product.

The findings of the study indicate that the evaluation of art education teachers on students' paintings did not encourage the student's creativity. The researcher suggests that in future teachers evaluating students' art works should place more emphasis on creativity.

BAB I

PENGENALAN

Latar Belakang

Kreativiti merupakan salah satu keupayaan unik semula jadi manusia. Adalah dipercayai bahawa seseorang individu tidak dapat menggunakan potensi dirinya dengan sempurna tanpa kreativiti. Terdapat bukti yang menyatakan bahawa individu yang lebih kreatif lebih berupaya menyelesaikan masalah yang dihadapinya dan seseorang yang mempunyai kreativiti yang tinggi bukan hanya bersifat kreatif pada suatu bidang yang tertentu sahaja, tetapi juga bertindak secara kreatif dalam pelbagai masalah yang dihadapinya. (Knowles, 1988)

Berdasarkan hakikat ini, jelaslah bahawa matlamat utama pendidikan sepatutnya bertujuan untuk melahirkan individu yang berupaya bertindak secara kreatif terhadap masalah. Pendidikan yang berkualiti ialah pendidikan yang mampu melahirkan masyarakat yang penuh dengan kreativiti (Abd. Main, 1995).

Sebenarnya, kreativiti pelajar merupakan salah satu aspek yang amat dititikberatkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (1988), pendidikan dan ilmu pengetahuan masa kini bertujuan untuk membentuk dan melahirkan insan yang sempurna, aktif, kreatif dan inovatif selaras dengan matlamat ‘Wawasan 2020’. Matlamat Pendidikan Seni di peringkat sekolah menengah pula bertujuan untuk melahirkan warganegara yang berbudaya khususnya individu yang kreatif. Ini adalah kerana pendidikan bukan hanya bertujuan untuk mendidik para pelajar pengetahuan dan kemahiran asas sahaja, tetapi tujuan utama pendidikan ialah memperkembangkan keupayaan kreatif pelajar supaya mereka dapat menggunakan pengetahuan dan kemahiran untuk menyelesaikan masalah-masalah dalam kehidupan seharian. Walau bagaimanapun, matlamat Pendidikan Seni sering disalahfaham oleh setengah-setengah guru dan pihak sekolah kerana mereka menganggap bahawa tujuan Pendidikan Seni di sekolah ialah hanya untuk menghasilkan para pelajar yang berpengetahuan seni dan mahir melukis sahaja.

Dakwaan di atas dapat dilihat dengan jelas apabila guru-guru Pendidikan Seni menilai hasil seni pelajar. Perkara yang sering berlaku di sekolah ialah guru-guru yang tidak terlatih dalam Pendidikan Seni biasanya hanya memberi markah yang tinggi kepada hasil kerja yang disukainya. Kekemasan dan

kawalan garisan yang baik sentiasa diutamakan dalam sistem pemberian markah, sehingga pelajar yang membuat catan lebih bebas dan kreatif dikatakan sebagai kurang memuaskan (Dick, 1972).

Penilaian yang tidak sesuai ini akan membuat pelajar merasa sebarang idea yang asli adalah merupakan kesalahan. Justera itu, sebarang usaha untuk menghasilkan idea-idea baru hanya membazirkan masa sahaja. Ini seterusnya menyebabkan pelajar merasa kurang selesa dan bimbang tentang bagaimana orang lain menilai hasil kerja mereka. Tindakan guru sebegini menghalang perkembangan kreativiti pelajar kerana perkembangan kreativiti memerlukan persekitaran yang selesa (Butcher, 1972) dan kebimbangan adalah penghalang utama kepada kreativiti (Amabile, 1989). Guru-guru Pendidikan Seni ini dikatakan gagal bukan sahaja kerana tidak merangsang kreativiti pelajar, malah tindakan guru telah menghalang keupayaan kreatif pelajar. Perkara ini dianggap serius kerana di sekolah hanya terdapat sebilangan kecil pelajar yang mahir melukis sahaja.

Selain daripada ini, menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (1993), penilaian dalam Pendidikan Seni merangkumi tiga tujuan utama, iaitu: 1) Perkembangan dan penguasaan pengetahuan serta penghargaan, 2) Penguasaan dan pengolahan kemahiran dan teknik, dan 3) Pemupukan nilai murni dan estetika.